

**Tindakan ADUN Simpang Pulai Naik Podium Speaker, Tidak Wajar - Zambry Bernama  
9 April, 2012**

IPOH, 9 April (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir menyifatkan tindakan Anggota Dewan Undangan Negeri Chan Ming Kai (PKR-Simpang Pulai) menaiki podium tempat duduk speaker adalah perbuatan yang tidak wajar serta mencemarkan sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-12 Isnin.

Beliau berkata wakil rakyat itu tidak sepatutnya menimbulkan kekecohan pada sesi persidangan bermula hanya kerana soalan bertulis yang dikemukakananya tidak dijawab sepenuhnya oleh exco berkaitan.

"Saya tak tahu kenapa dia (Chan) boleh jadi begitu (naik ke atas podium) dan saya terkejut bila dia naik ke atas...beliau tidak sepatut bertindak begitu kerana hanya speaker yang berkuasa duduk di situ (podium).

Kalau marah sekalipun jangan sampai hilang perpaduan sehingga melakukan perkara tidak sepatutnya," katanya kepada pemberita selepas sesi persidangan itu di sini.

Beliau berkata apabila soalan yang diberikan kepada exco yang berkaitan tidak dijawab ia merupakan perkara biasa kerana itu hak kerajaan untuk menentukannya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658003>